



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 4 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	ULASAN GUNA TEKNOLOGI RANTAIAN BLOK ELAK SKANDAL DAGING HALAL, ONLINE, MALAYSIAKINI BUKAN MUDAH BAWA MASUK, RENCANA, UM -14&15 PETANI TERJEJAS BANJIR DIBANTU MAFI, KELANTAN, HAKAKAH -H12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5. 6.	NEKAD TERJUN LAUT TINGGALKAN 200KG IKAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -22 FISH BOMBERS ABANDON BOAT TO ESCAPE MMEA, NATION, THE STAR -14 EMPAT LELAKI TERJUN LAUT ELAK DICEKUP MARITIM, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9.	MAQIS GAGALKAN CUBA SELUDUP PRODUK HASIL LAUT KE SINGAPURA, NEGARA, KOSMO -14 MAQIS JOHOR RAMPAS 4.2 TAN HASIL LAUT, NASIONAL, UM -24 MAQIS RAMPAS 4.2 TAN HASIL LAUT, NEGERI JOHOR, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10.	PESAKIT KANSER BANGKIT JADI PENGUSAHA NANAS BERJAYA, NEGERI PERAK/JOHOR/KEDAH, SH -28	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
11. 12.	SELANGOR JELAPANG PADI BAHARU?, DALAM NEGERI, UM -7 USAHAKAN PROJEK PADANG RAGUT, CAKNA RAKYAT, HAKAKAH -H9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH**MEDIA****RUANGAN****MUKA
SURAT****4/2/2021****MALAYSIA****ONLINE****KINI**

ULASAN | GUNA TEKNOLOGI RANTAIAN BLOK ELAK SKANDAL DAGING HALAL



Menyusuli pendedahan mengenai industri daging halal akhir tahun lalu yang melibatkan kartel pengimport asing, Emir Research telah menyarankan pihak berkuasa relevan mengambil kira penggunaan teknologi rantaian blok bagi mencegah kejadian berulang. Sejak Oktober lagi, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (RMCD) telah melaksanakan penggunaan platform TradeLens di Malaysia yang berasaskan teknologi rantaian blok bagi memodenkan proses penghantaran, mewujudkan ketelusan yang lebih ketara serta meningkatkan kepuasan pelanggan.



Penyertaan RMCD dalam platform TradeLens yang dibangunkan bersama AP Moller-Maersk dengan IBM berdasarkan konsep Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi Bersama (API) itu, menandakan bermulanya usaha pendigitalan operasinya yang akan meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kerjasama merentasi rantaian bekalan, selain memenuhi misinya untuk memudahcarakan perdagangan yang sah, membantu memerangi penyeludupan dan memodenkan sistem logistik nasional demi menyokong aspirasi ekonomi digital Malaysia.

Dengan pendigitalan proses penghantaran melalui kapal, TradeLens menyediakan RMCD dengan alat penjejakan automatik dan tidak berubah yang akan membawa kepada aliran kerja yang lebih selamat, telus, cekap dan mudah, melalui perkongsian maklumat hampir masa sebenar di kalangan pelbagai rangkaian anggota ekosistem TradeLens. Ia bukanlah satu kebetulan kegiatan kartel selama bertahun-tahun itu hanya dapat dibongkar setelah teknologi rantaian blok digunakan melalui platform TradeLens, sebuah platform perdagangan global digital yang membolehkan penjejakan kontena dan perkongsian maklumat yang lebih cekap dan tepat di antara anggota platform.

Sememangnya, ini adalah petunjuk jelas betapa rasuah yang mendalam di kalangan sebilangan kecil mempunyai impak besar dalam kehidupan, penggunaan makanan dan kepercayaan agama berjuta-juta orang. Dan proses rantaian bekalan yang selama ini terputus dan terpisah menyediakan "jurang keselamatan" untuk dipergunakan kartel daging, kini dapat diatasi melalui perlanjutan bersepadu aplikasi teknologi rantaian blok.

Menurut para pakar, TradeLens mendigitalkan proses penghantaran yang membolehkan pihak berkuasa berkenaan menerima data penghantaran sebaik sahaja kapal kontena meninggalkan pelabuhan asal. Ini berbeza dengan proses penghantaran sebelum pendigitalan yang memakan masa berpanjangan kerana melibatkan prosedur berdasarkan kertas, yang dikatakan telah menimbulkan beberapa titik rentan di seluruh sistem rantaian bekalan global.

KEGIATAN LOGISTIK DISEPADUKAN

Malah, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menganggarkan teknologi digital akan memberi kesan mendalam kepada perdagangan global, menambah hingga 34 mata peratusan bagi pertumbuhan perdagangan menjelang 2030. TradeLens akan memberi RMCD lebih banyak masa membuat persiapan bagi ketibaan penghantaran. Masa ini membolehkan pemeriksaan lebih cekap dan menyeluruh bagi membanteras penipuan dan pemalsuan serta proses pengumpulan hasil pendapatan yang lebih konsisten dan telus. Platform rantaian blok juga akan

mbolehkan semua kegiatan logistik termasuk pengangkutan lori, pergudangan, perkapalan dan penghantaran barang di peringkat domestik dan global disepadukan, sekali gus meningkatkan perkongsian maklumat dengan data melalui satu platform.

Ia juga mendorong kepercayaan di kalangan rakan dagang kerana rekod semua urusan dikongsi bersama dalam rangkaian dan pihak yang dibenarkan dapat mengakses data dalam masa hampir sebenar, memungkinkan RMCD keterlihatan dalam aktiviti rantai bekalan yang semua datanya telah disahkan, sangat dipercayai dan dalam hampir masa sebenar. Selain Malaysia, sejumlah pihak berkuasa pemerintah dari negara lain, agensi perkapalan, kapal kargo pukal dan pihak berkuasa pelabuhan telah bekerjasama dengan IBM dan AP Moller secara global dalam penggunaan platform TradeLens.

Melangkah ke hadapan, TradeLens dapat menjadi pangkalan di mana seluruh proses dan rangkaian pensijilan halal yang berpandukan teknologi rantai blok dapat beroperasi oleh kerana ianya dapat diperluas untuk dimasukkan sebagai sebahagian keseluruhan proses urusan dan rantai bekalan makanan. Untuk ia berjaya, satu syarat penting adalah penyertaan pemain industri dan pihak berkepentingan, terutama pengimport daging halal, dan ini harus diwajibkan, iaitu adalah mandatori bagi mana-mana pengimport daging halal atau rakan sekerja asing mereka diberi mandat oleh undang-undang untuk menjadi anggota platform TradeLens agar kegiatan rantai bekalan mereka termasuk perkapalan dan pergudangan dapat disahkan oleh platform TradeLens dan kemudiannya dikongsi di kalangan anggota platform yang memperolehi kebenaran.

Ini pula memerlukan pindaan Akta Perihal Dagangan 2011, khususnya yang berkaitan dengan undang-undang subsidiari Perintah Perihal Dagangan [Definisi Halal], 2011 serta Perintah Perihal Dagangan [Pensijilan dan Penandaan Halal], 2011. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) kemudian dapat mewujudkan pangkalan datanya yang berdasarkan masa sebenar serta mengandungi maklumat semua pembekal asing dan selanjutnya semua urusan untuk tujuan pengawasan, pemantauan dan audit. Ini akan meningkatkan keselamatan digital serta menambah baik dan melengkapkan ciri-ciri teknologi rantai blok yang kalis perubahan dengan memastikan tanda tangan yang disulitkan (*encrypted/hashed signatures*) untuk mengaburkan maklumat supaya tidak dapat dibaca tanpa pengetahuan khusus, diperiksa semula berdasarkan pangkalan data sebenar Jakim sendiri.

SISTEM UNTUK 'BERHUBUNG'

Dalam pada itu, pangkalan data sebenar harus diagihkan supaya ia berupaya untuk saling beroperasi (*interoperable*) secara antara muka (*interface*) dengan agensi kerajaan lain, iaitu Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang mengeluarkan permit kelulusan (AP), dan Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saling beroperasi adalah kunci di sini yang secara amnya bermaksud kemampuan sistem yang berbeza untuk "berhubung" antara satu sama lain. Pangkalan data sebenar Jakim itu boleh meniru dan mencontohi peranan TradeLens dalam perkongsian data tanpa perlu mengulangi proses urusan platform itu sendiri. Jadi, pangkalan data Jakim dapat digabungkan serta menyokong dan juga melengkapkan peranan sistem TradeLens. Dalam hal ini, pangkalan data Jakim sebenarnya memainkan peranan latar belakang memantau sistem TradeLens – meningkatkan integriti kedua-dua sumber data dan keseluruhan proses urusan teknologi rantai blok.

Sumber atau asal usul data adalah salah satu aplikasi teknologi rantai blok paling penting yang merujuk kepada dokumentasi dari mana datangnya data dan proses dan metodologi yang mewujudkan data tersebut. Ini membentuk satu garis masa jagaan tunggal yang selamat, yang juga kalis gangguan. Sistem ini dapat digunakan untuk memberikan "naratif" kepada pelanggan mengenai setiap produk berkenaan sumber, bahan, lokasi, proses, dan identiti pembekal yang digunakan oleh perniagaan, dan juga memungkinkan perniagaan untuk membuat

dakwaan tertentu mengenai ciri-ciri produk mereka menggunakan data sebenar. Dengan ini, penjejakan asal usul setiap data dan adakah ia masih terkini menjadi mudah. Rangkaian blok tersebut mempunyai maklumat lengkap mengenai alamat dan jalur rangkaian bekalan dari sumber hingga titik pembelian pengguna, memberikan jaminan yang sangat diperlukan bagi umat Islam bahawa "halalnya" makanan di meja mereka dapat dikesan kembali melalui semua lokasi rangkaian bekalan halal yang bermula dari ladang halal atau ladang ternakan pertama, termasuk identifi petani atau penternak itu sendiri.

Teknologi rangkaian blok menyuntik keyakinan kepada rangkaian bekalan halal dan rantai nilai pemilik jenama yang akan dapat menjamin integriti halal dengan lebih berkesan. Ia juga dapat digabungkan ke dalam sistem keberlanjutan dan tanggungjawab korporat yang lebih luas untuk mengembangkan pasaran jenama di luar pengguna Islam. Mungkin juga, sebagai sebahagian usaha untuk lebih menyepadukan pangkalan data Jakim ke dalam TradeLens dan bukannya sekadar membangun sistem selari, walaupun saling berantara muka, Jakim perlu menimbangankan adanya penambang (*cryptographer*) sendiri sebagai sebahagian urusan rangkaian blok yang dilihat sebagai ditetapkan dalam konteks proses pensijilan halal yang lebih luas.

Sehubungan itu, Jakim perlu melaksanakan apa yang dilakukan RMCD – bekerjasama dengan entiti pakar dalam teknologi rangkaian blok seperti IBM untuk "merantai blok" ("*blockchainise*") operasi pensijilan halal di mana asal usul data adalah satu kemestian. Oleh kerana Menteri Hal Ehwal Agama, Dr Zulkifli Mohamad meminta maklum balas mengenai proses pensijilan halal di luar negara, artikel ini dapat dilihat sebagai memberikan maklum balas yang diperlukan dan kritikal. Sebagai kesimpulan, sudah tiba masanya untuk meningkatkan pendigitalan proses pensijilan halal dan pendekatan yang lebih baik ialah penerapan teknologi rangkaian blok sebagai kaedah yang paling terjamin untuk memastikan integriti halal dan pematuhan ketat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	RENCANA	14

Bukan mudah bawa masuk



MUKADIMAH

POLEMIK isu penyeludupan daging sejuk beku baru-baru ini menimbulkan kekusaran rakyat terutama masyarakat Islam berikutan penyalahgunaan logo halal sebelum dijual di pasaran seluruh negara. Ramai pengguna kecewa dan marah, bagaimana kegiatan ini boleh bebas beroperasi sejak bertahun-tahun lalu tanpa dikesan pihak berkuasa.

Turut terkena tempias, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) kerana melibatkan isu halal selain Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang dipersoalkan tentang kelompangan sistem.

Menjelaskan perkara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, **DATUK SERI AHMAD HAMZAH** memberitahu, kerajaan mempunyai peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat sebelum membolehkan mana mana produk daging diimport ke negara ini.

"Justeru, rakyat tidak perlu ragu-ragu dan yakin dengan segala protokol yang diatur adalah sangat teliti bermula dari peringkat pusat sembelihan sehinggalah ke peringkat pintu masuk, semuanya dikawal rapi demi kepentingan pengguna serta menjamin keselamatan makanan negara," katanya kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **MAISARAH SHEIKH RAHIM** dan jurufoto, **FAISOL MUSTAFA** di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

PENJELASAN

UTUSAN: Boleh Datuk jelaskan peranan Kementerian dalam isu ini?

AHMAD: Kementerian ingin membuat penjelasan kepada seluruh rakyat yang tidak dapat maklumat tepat dan memberi keyakinan bahawa apa yang dilakukan kerajaan bukan sahaja untuk kepentingan negara. Malah menjaga kepentingan rakyat agar memperoleh sumber makanan mencukupi (*food security*) selain memastikan sumber makanan itu selamat (*food safety*).

Berhubung bekalan daging, tahap sara diri (SSL) dalam negara hanya meliputi 23 peratus. Bermakna kita kekurangan 70 peratus sumber daging berbanding

“Bekalan daging tahap sara diri (SSL) dalam negara hanya meliputi 23 peratus. Bermakna kita kekurangan 70 peratus sumber daging berbanding permintaan.”

permintaan. Maka, kementerian menggalakkan mana-mana individu atau syarikat untuk mengimport daging dari luar negara yang kerajaan telah kenal pasti dari sembilan negara sumber pengeluar daging merangkumi 51 pusat

penyembelihan yang diiktiraf.

Bagaimana SOP pelantikan pusat sembelihan luar negara ini?

Sebelum melantik pusat penyembelihan, kementerian serta agensi berkaitan akan mengadakan perjumpaan dengan negara pengeluar itu sama ada mereka bersetuju dengan protokol import yang kita tetapkan. Selepas itu, barulah surat bertulis dikeluarkan dengan syarat-syarat ketat supaya mereka mengeluarkan produk daging berkualiti yang telah disahkan halal oleh kumpulan pemantauan.

51 pusat penyembelihan itu diaudit terlebih dahulu oleh badan-badan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jakim

dan Kementerian Kesihatan untuk mengenal pasti jika terdapat penyakit berjangkit sehingga boleh menjangkiti temakan negara kita pula.

LIBERALISASI

Boleh Datuk jelaskan isu monopoli syarikat pengimport daging bukan bumiputera?

Pengimportan daging sejuk beku dari luar negara telah diliberalisasikan pada 2016 dengan tidak mengehend atau menentukan kuantiti import.

Oleh yang demikian, tiada sekatan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk mengimport daging dari luar negara dengan syarat hanya mengimport daging daripada rumah penyembelihan yang telah diluluskan oleh kerajaan Malaysia dan mengikut prosedur yang kita tetapkan.

Berapa jumlah pengimport dalam kalangan bumiputera? Sehingga Disember tahun lalu, terdapat 318 pengimport yang telah berdaftar secara

pentadbiran dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 193 (61 peratus) syarikat adalah pengimport bumiputera manakala 125 (39 peratus) syarikat adalah bukan bumiputera. Bagaimanapun, purata syarikat bumiputera yang aktif mengimport adalah antara lapan hingga 10 peratus.

Dakwaan pengimport daging bumiputera dinafikan atau dipinggirkan oleh Kementerian adalah tidak benar sama sekali memandangkan 61 peratus syarikat yang diluluskan adalah bumiputera.

Begitu juga isu monopoli bernilai berbilion ringgit dikawal oleh beberapa pengimport bukan bumiputera yang sering dibangkitkan adalah tidak benar kerana urusan rundingan perniagaan di antara pengimport dan pengeksport adalah berasaskan *business to business*, dan ia tidak melibatkan agensi kerajaan.

Keupayaan syarikat untuk mengimport adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan, logistik dan rantaian pemasaran syarikat tersebut serta di luar bidang kuasa Kementerian dan jabatan.

Pihak Kementerian tidak pernah membuat sekatan atau mengawal mana-mana syarikat pengimport sama ada bumiputera atau bukan bumiputera untuk mengurus niaga dan mengimport daging untuk pasaran dalam negara.

PEMANTAUAN

Berapa kekerapan pemantauan selepas perakuan halal diberikan kepada pusat



Dakwaan pengimport daging bumiputera dinafikan atau dipinggirkan oleh Kementerian adalah tidak benar sama sekali memandangkan 61 peratus syarikat yang diluluskan adalah bumiputera."

penyembelihan?

Setelah kelulusan diberikan kerajaan, pemantauan ke atas rumah penyembelihan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jakim (Kementerian Kesihatan jika melibatkan negara India). Pemantauan ini dijalankan setiap satu hingga tiga tahun mengikut negara yang luluskan.

Apakah SOP yang digariskan kepada pusat penyembelihan selepas diberi perakuan?

Rumah penyembelihan yang diberi kelulusan oleh kerajaan perlu mengekalkan pematuhan terhadap piawaian dan syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu kod amalan standard mengikut piawaian antarabangsa (MS 1540:2009; GMP, MS 1480:2009 HACCP, Kod Amalan Veterinar) meliputi



AHMAD Hamzah (tengah) ketika ditemu bual Malsarah Sheikh Rahim (kiri) di Putrajaya, baru-baru ini. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

kawalan penyakit haiwan dan zoonotik serta memastikan kualiti, keselamatan dan status halal bagi penggunaan rakyat Malaysia.

Apa tindakan jika didapati menyalahi SOP atau piawaian ditetapkan?

Sekiranya rumah penyembelihan tidak mematuhi piawaian ditetapkan, pihak berkuasa negara pengeksport tidak akan mengeluarkan sijil kesihatan veterinar dan sijil halal bagi tujuan eksport ke Malaysia. Pihak berkuasa negara pengeksport perlu memaklumkan kepada kerajaan Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Mana-mana rumah penyembelihan luar negara yang didapati melanggar syarat-syarat kelulusan akan dikenakan tindakan 'Penggantungan Status Eksport' atau 'Digugurkan Status Kelulusan Eksport'.

Syarikat yang berdaftar sebagai pengimport daging sejuk beku hanya boleh mengimport daging sejuk beku

dari rumah penyembelihan yang telah diluluskan oleh kerajaan Malaysia di bawah Perintah Binatang (Pengimportan) 1962.

Syarikat pengimport daging yang tidak mematuhi syarat-syarat ditetapkan akan digugurkan daripada senarai pendaftaran pengimport secara pentadbiran oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

TAMBAH BAK

Setakat ini berapa banyak pusat penyembelihan dikenakan tindakan atau ditarik balik perakuan halal?

Pada tahun lalu, terdapat satu rumah penyembelihan luar negara (1.9 peratus) telah diambil tindakan penggantungan eksport ke Malaysia daripada sejumlah 51 yang diluluskan oleh kerajaan setelah digantung oleh pihak berkuasa negara pengeksport.

Adakah SOP ini perlu dinilai semula kerana dikatakan ada kelompangan sehingga berlaku ketirisan penyeludupan?

SOP yang Kementerian tetapkan ini sudah amat ketat. Pemeriksaan dan audit dibuat secara

berkala selain perlu melepasi tiga hingga empat jawatankuasa sebelum sesuatu produk daging itu dibenarkan diimport.

Bagaimanapun, Kementerian sedang membuat pindaan kepada Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) bagi memperluas dan mengukuhkan bidang penguatkuasaan jabatan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Ketika ini bidang kuasa MAQIS hanya di pintu masuk, sesen kuarantin dan premis kuarantin sahaja, jadi sekiranya akta itu dapat diplinda, skop penguatkuasaan yang berlaku di luar pintu masuk dapat diperluaskan termasuk di pasaran.



SELAIN daging sejuk beku, penduduk boleh membeli daging segar tempatan seperti yang dijual di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. - UTUSAN/SHIDDIEQIN ZON

Petani terjejas banjir dibantu MAFI

Oleh **NUR AIN MANAF**
Foto **RIZAL TAHIR**

TUMPAT: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) meneruskan Misi Prihatin bagi meringan beban mangsa banjir dalam kalangan petani, nelayan dan peladang.

Timbalan Menteri MAFI Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, bantuan makanan yang dihuruhkan sebagai keprihatinan terhadap mangsa banjir yang terkesan khususnya membabitkan petani.

Katanya seramai 1,461 ahli Pertubuhan Peladang di seluruh Kelantan mendapat manfaat tersebut yang bernilai RM146,100.

"Bantuan yang diberi berupa keperluan makanan diserah kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kelantan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat untuk diagihkan kepada 450 ahli," katanya pada program penyampaian bantuan itu di sini Isnin lepas.

Pada 21 Januari Misi

MAFI Prihatin dilancarkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Seri Dr Ronald Kiangdee 2021 di Wisma Tani, Putrajaya.

Che Abdullah berkata, penyampaian sumbangan bantuan banjir MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial kementerian.

Katanya MAFI mengumpul sumbangan keperluan asas makanan dari Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).



Salah seorang petani menerima beras disampaikan Che Abdullah Mat Nawi.

4/2/2021

SINAR
HARIANMAHKAMAH &
JENAYAH

22

Nekad terjun laut tinggalkan 200kg ikan

KOTA KINABALU - Sebanyak 200 kilogram (kg) ikan serta peralatan bahan letupan disyaki digunakan untuk mengebom ikan dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) dalam Ops Naga Timur di perairan Pulau Gaya pada Selasa.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.50 petang itu, empat kru sebuah bot pam bertindak terjun ke laut dan melarikan diri dengan berenang ke kawasan daratan.

Laksamana Pertama Maritim Datuk Mohd Rosli Abdullah berkata, rampasan dibuat ketika sepasukan anggotanya bersama bot peronda Maritim sedang melaksanakan Operasi Sejahtera dan Operasi Naga Timur di sekitar perairan Kota Kinabalu.

“Sebuah bot pam dikesan dalam keadaan mencurigakan berhampiran Pulau Gaya dan sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, empat kru bot terbabit bertindak melarikan diri dengan berenang ke daratan berhampiran.

“Pemeriksaan terhadap bot pam yang ditinggalkan itu berjaya menemui 200 kilogram ikan pelbagai jenis serta peralatan bahan letupan yang disyaki digunakan untuk mengebom ikan,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



Ikan yang dirampas dipercayai ditangkap menggunakan bahan letupan di perairan Pulau Gaya, Kota Kinabalu.

Mengulas lanjut, Mohd Rosli berkata, bot pam dan barang rampasan dibawa ke Jeti Maritim Kota Kinabalu, Sepanggar untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.

“Kes itu disiasat di bawah Akta Perikanan 1985, Seksyen 26 iaitu menangkap ikan menggunakan bahan letupan, racun dan sebagainya yang boleh membawa hukuman denda tidak lebih RM6 juta bagi setiap kru,” katanya.

Fish bombers abandon boat to escape MMEA

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Four fishermen suspected of using fish bombs off Pulau Gaya dived off their boat and swam ashore to evade capture.

Although they escaped, Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) officers managed to seize their pump boat and recovered some 200kg of fish as well as fish bomb-making equipment during the incident on Tuesday evening.

Sabah MMEA director Datuk Mohd Rosli Abdullah said a patrol boat carrying out operations under Ops Sejahtera and Ops Naga Timur around waters off Kota Kinabalu

spotted the boat with crewmen near Pulau Gaya, one of the islands under the Tunku Abdul Rahman Park.

"As soon as the suspects spotted our boat, they jumped into the sea and swam towards the shore nearby," he added.

He said they were investigating the case under the Fisheries Act 1985 (Section 26) for using explosives and other illegal methods to catch fish.

He said each person convicted of such an offence could receive a fine of RM20,000 to RM6mil and a two-year jail term.

"The fish-bombing activities are not only illegal under the Fisheries Act but they also damage or destroy marine life," he said.



In the nick of time: MMEA personnel seizing the pump boat, used by four suspects carrying out fish bombing activities near Pulau Gaya in Kota Kinabalu.



SEBAHAGIAN hasil laut yang dirampas susulan operasi mencegah kegiatan mengebom ikan di perairan Kota Kinabalu kelmarin.

Empat lelaki terjun laut elak dicekup Maritim

KOTA KINABALU – Empat nelayan bertindak terjun ke laut selepas tindakan aktiviti menangkap ikan yang dilakukan mereka menggunakan kaedah bom berjaya dikesan bot peronda Maritim Malaysia (APMM) di perairan Pulau Gaya di sini kelmarin.

Pengarah Maritim Sabah dan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Datuk Mohd. Rosli Abdullah berkata, peronda Maritim yang sedang melaksanakan Ops Sejahtera dan Ops Naga Timur di sekitar perairan Kota Kinabalu telah mengesan sebuah bot pam yang dilihat mencurigakan berada berhampiran Pulau Gaya.

“Sebaik mereka menyedari kehadiran pihak berkuasa, empat kru bot pam tersebut bertindak terjun ke laut melarikan diri dengan berenang ke daratan berhampiran,” jelas

Rosli.

“Pemeriksaan anggota penguat kuasa ke atas bot pam tanpa nombor pendaftaran yang ditinggalkan menemui kira-kira 200 kilogram ikan pelbagai jenis,” katanya di sini semalam.

Menurut beliau, turut ditemui ialah peralatan bahan letupan yang disyaki digunakan untuk aktiviti mengebom ikan.

Jelasnya, bot pam dan keseluruhan barang rampasan dibawa masuk ke Jeti Maritim Kota Kinabalu, Sepanggar untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.

“Kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985, Seksyen 26 iaitu menangkap ikan menggunakan bahan letupan, racun dan sebagainya yang jika sabit kesalahan boleh didenda RM20,000 atau penjara tidak lebih dua tahun,” katanya.

Maqis gagal cubaan seludup produk hasil laut ke Singapura

ISKANDAR PUTERI - Cubaan sebuah lori untuk menyeludup keluar pelbagai produk laut bernilai lebih RM90,000 tidak kesampaian selepas kenderaan itu ditahan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Kompleks Sultan Abu Bakar di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A. Rahman berkata, pihaknya berjaya mengesan cubaan menyeludup produk berkenaan ke Singapura semasa pemeriksaan dibuat terhadap sebuah lori di laluan ekspورت pada pukul 11 malam.

"Ketika pegawai menjalankan pemeriksaan, mereka menda-

pati terdapat beberapa barangan seperti ikan, sotong, udang dan lain-lain yang tidak mempunyai permit ekspورت sah.

"Kesemua barangan yang dianggarkan bernilai RM92,760 itu dirampas untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Nur Afifah, pemandu lori yang berusia 45 tahun itu telah diambil keterangan sebelum dibebaskan.

Menurutnya lagi, perbuatan mengekspورت apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit ekspورت sah Maqis adalah suatu kesalahan.

Kesalahan itu di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan

Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus diperkasakan di semua pintu masuk negara.

"Langkah ini bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," jelasnya.



ANTARA produk laut seperti ikan, sotong dan udang yang dirampas Maqis Johor di Kompleks Sultan Abu Bakar di Iskandar Puteri kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	NASIONAL	24

MAQIS Johor rampas 4.2 tan hasil laut

Iskandar Puteri: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 4.2 tan pelbagai jenis hasil laut dalam pemeriksaan di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), di sini, malam kelmarin.

Pengarah MAQIS Johor, Nur Afifah A Rahman, berkata siasatan mendapati hasil laut itu cuba dibawa keluar ke Singapura tanpa permit eksport yang sah di laluan lori eksport, kira-kira jam 11 malam.

Dalam satu kenyataan semalam, beliau berkata, semua hasil laut seperti ikan, sotong, udang dan isi ikan seberat 4.236 kilogram

(kg) itu dianggarkan bernilai RM92,760.

“Pemandu lori berusia 45 tahun yang membawa hasil laut berkenaan dilepaskan selepas keterangannya diambil. Hasil pemeriksaan, kita merampas pelbagai jenis hasil laut seperti ikan kerapu, udang dan sotong dianggarkan bernilai RM92,760.

“Mengeksport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit eksport sah daripada MAQIS adalah salah mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta sama,” katanya.

Nur Afifah berkata, jabatan itu sentiasa komited menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan terus memperkasakan lagi pemantauan di semua pintu masuk negara.

“Ia bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi peraturan ditetapkan,” katanya.

 **Semua hasil laut seberat 4.236 kilogram itu dianggarkan bernilai RM92,760.**

Nur Afifah A Rahman,
Pengarah MAQIS Johor

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR	25

Maqis rampas 4.2 tan hasil laut

Ikan kerapu, sotong, udang tanpa permit cuba dihantar ke Singapura

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

ISKANDAR PUTERI

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor menggagalkan cubaan membawa keluar pelbagai jenis makanan laut tanpa permit eksport sah ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Tanjung Kupang di sini pada Selasa.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, pelbagai jenis ikan basah, sotong, udang dan isi ikan yang semuanya seberat 4.2 tan metrik ditemui pada jam 11 malam selepas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah lori di laluan kenderaan berat di KSAB.

“Hasil pemeriksaan yang dijalankan pelbagai hasil laut seperti ikan kerapu, udang, sotong dan sebagainya yang diang-



Maqis merampas pelbagai hasil laut selepas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah lori di laluan KSAB, Tanjung Kupang, Iskandar Puteri pada Selasa.

garkan bernilai RM92,760 berjaya dijumpai sekali gus dirampas,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Susulan itu katanya, pihak Maqis mengambil keterangan pemandu lori berkenaan yang berusia 45 tahun sebelum membebaskannya.

Katanya, perbuatan mengeksport sebarang jenis keluaran pertanian tanpa permit eksport yang sah daripada Maqis menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Jelas beliau, kesalahan tersebut boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama dan jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan maksimum enam tahun atau keduanya sekali.

Maqis katanya, sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang di semua pintu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ JOHOR/KEDAH	28

Pesakit kanser bangkit jadi pengusaha nanas berjaya



Firdaus membarcah baja yang akan disiram pada pokok nanas MD2 di kebun miliknya di Simpang Renggam, Kluang, pada Rabu.

KLUANG - Penyakit kanser yang dihidapnya kira-kira empat tahun lalu tidak melemahkan semangat Mohd Firdaus Ahmad, 36, dari Kampung Sahari, Simpang Renggam untuk menceburi bidang pertanian apabila dia kini menjadi pengusaha nanas berjaya.

Sebaliknya, bapa kepada dua anak berusia enam dan lapan tahun itu tidak pernah mengangap kanser pada dinding perutnya sebagai pengakhiran kehidupan kerana menyedari masih ada sinar di hujung jalan.

Lulusan Sarjana Muda Sains Pertanian daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) itu kini menempa kejayaan dengan mengusahakan tanaman nanas MD2 seluas 10 hektar dengan 200,000 pokok nanas melalui program Penanaman Nanas Untuk Pasaran Premium an-

jurran Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Firdaus berkata, semua itu bermula selepas dia melakukan pembedahan membuang kanser tersebut yang mengambil masa hampir 20 jam di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada November 2018 sebaik penyakitnya dikesan.

“Semasa berehat beberapa bulan di rumah, saya mula merancang kehidupan an.

“Syukurlah kerana rezeki menyebelahi saya apabila menerima Geran Agropreneur Muda 2020 Fasa 3 berjumlah RM20,000 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk golongan belia bawah 40 tahun.

“Dari situ dengan modal yang ada, saya mengorak langkah dengan bantuan

dua pekerja yang juga rakan sekampung merancang untuk menanam nanas MD2.

“Akhirnya ia berjaya dilakukan pada penghujung tahun lalu,” katanya ketika ditemui di kebun nanas miliknya di Simpang Renggam pada Rabu.

Katanya, kejayaan mengusahakan tanaman nanas MD2 itu turut menjadi inspirasi kepadanya untuk meluaskan perusahaannya dengan menyewa beberapa tanah kosong kepunyaan penduduk kampung.

“Bagaimanapun, kejayaan ini bukan mudah seperti disangka. Jika tidak dengan dorongan isteri, Noraini Kosnon, 36, yang bekerja sebagai Pegawai Zait Makanan di Kementerian Kesihatan Malaysia, pasti semua semangat saya sudah lama berkubur,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Selangor Jelapang Padi baharu?

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

TANJONG KARANG: Selangor boleh menggantikan Kedah sebagai negeri Jelapang Padi terutama jika pengeluaran padi negeri itu terus berkurangan termasuk selepas kehilangan kira-kira 35,000 hektar sawah yang ditukar kepada pembangunan infrastruktur, komersial dan perumahan.

Walaupun keluasan sawah padi di Selangor hanya 18,480 hektar berbanding Kedah yang difahamkan 100,685 hektar, negeri ini mempunyai kelebihan dari segi pengeluaran padi lebih banyak.

Menurut sumber yang terlibat dalam industri padi, bendang di negeri ini pernah menghasilkan sebanyak 6.35 tan metrik padi bagi setiap satu hektar pada 2015 berbanding Kedah hanya kira-kira tiga tan metrik bagi setiap hektar.

"Bukan mudah menghasilkan padi dan setiap negeri mempunyai cabaran berbeza setiap musim. Di Selangor antara isu yang sering dihadapi adalah penyakit dan angin, namun semuanya dapat diatasi.

"Keluasan sawah tidak menjamin mampu menghasilkan pengeluaran padi yang banyak. Selangor sentiasa berada antara empat teratas dalam pengeluaran padi dan kini pengeluaran kira-kira empat tan metrik sullivan sawah padi diserang penyakit.

"Malah, sistem perparitan di Selangor sentiasa dijaga baik



PROSES menuai menggunakan jenterai di Sungai Besar, Selangor baru-baru ini.

dengan diselenggara Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor yang mengendalikan kawasan sawah padi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Dalam pada itu, sumber tersebut tidak menafikan ada tanah sawah padi yang tidak digunakan untuk tanaman padi, namun jumlahnya sedikit.

Kebiasaannya selepas musim menuai, petani menghentikan

sementara proses penyediaan tanah dengan menanam tanaman lain seperti sayuran antaranya cili, kacang dan jagung malah, ada juga yang mendirikan inap desa tetapi jumlahnya kecil.

"Bagaimanapun, sepanjang tidak menanam padi, mereka tidak mendapat subsidi yang disediakan kerajaan dan semuanya dipantau Pertubuhan Peladang Kawasan," ujarnya.

Tambah sumber, Selangor

kini dalam usaha menghasilkan padi yang lebih berkualiti dengan menetapkan satu jenis beras sahaja.

Katanya, satu blok sawah mempunyai kira-kira 40 hingga 50 lot dengan setiap blok terdiri daripada lima hingga enam jenis beras.

"Apabila terdapat pelbagai jenis beras, tindakan untuk mengawal penyakit agak sukar dan memberi kesan kepada pengeluaran," katanya.

4/2/2021

HARAKAH

CAKNA

H9

RAKYAT

Usahakan projek padang ragut



Papan tanda kawasan Padang Ragut Bukit Wan, DUN Batu Rakit, Setiu.

SETIU: Menyahut cabaran kerajaan Terengganu yang melancarkan Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021, sebuah Koperasi Asas Tani Batu Rakit Terengganu Berhad (Kopstar) mengambil inisiatif mengusahakan projek padang ragut.

Tinjauan *Harakah* mendapati, pihak Kopstar dan penternak setempat sepakat menjayakan usaha membina padang ragut sejauh 50 ekar atau 20.25 hektar di Bukit Wan, Lingai, Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Rakit, Setiu.

Setiausaha Kopstar, Abd. Rahman

Yusoff berkata, fasa pertama ini mengambil masa enam bulan sebelum memasuki fasa kedua projek.

"Rumput yang ditanam ini boleh dituai dalam tempoh tiga bulan sahaja sebenarnya. Tetapi, oleh kerana ia rumpun baru, kita guna buat benih dahulu pada peringkat awal ini. Cara ini boleh jimatkan kos.

"Kebiasaan tanah padang ragut ini 50 ekar dan yang sedang dibersihkan untuk fasa pertama ini dalam 20 ekar dahulu," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pihak pemberita ketika ditemui di lokasi Padang Ragut Bukit Wan, Lingai, Batu Rakit, Setiu pada 31 Januari lalu.

Menurutnya, jenis tanaman rumput di padang ragut ini iaitu rumput rinyak atau 'humidicola' dan juga rumput gajah atau 'Napier Grass'.

"Memandangkan tempat (padang ragut) kita ini berbukit, rumput yang paling sesuai ditanam adalah rumput rinyak.

"Kita bukan sahaja menghasilkan rumput hijau tetapi boleh dikeringkan sebagai bahan simpanan makanan. Contohnya, apabila musim hujan rumput tidak boleh hendak ambil (rumput), jadi kita telah ada simpan-



Ustaz Mohd Shafizi

an makanan rumput yang kering dalam gudang," jelasnya.

Katanya, kos keseluruhan bagi projek padang ragut ini dalam lingkungan RM2 juta termasuk infra serta kemudahan yang diperlukan.

Sementara itu, Pegawai Penyelaras DUN Batu Rakit, Ustaz Mohd Shafizi Ismail berkata, tujuan diwujudkan padang ragut ini bagi menyelesaikan isu haiwan ternakan berkeliratan sehingga menyebabkan pelbagai masalah terutama kemalangan jalan raya.

"Isu pengembala lembu dan kambing khususnya di DUN Batu Rakit ini dengan membiarkan haiwan ternakan mereka berkeliratan menyebabkan mereka (penternak) sering kali ditemuh masyarakat.

"Kita berbincang mencari jalan penyelesaian sebelum memutuskan untuk mewujudkan padang ragut. Maka, ditubuhkan Koperasi Asas Tani Batu Rakit Terengganu Berhad (Kopstar) untuk menguruskan padang ragut.

"Insya'Allah, apabila cukup makanan, haiwan ternakan mereka akan dijaga dengan baik," ujarnya.

Beliau yang juga Pengarah Majlis Tindakan DUN (MTD) Batu Rakit menjelaskan, setakat ini, tanah se-

luas 20 ekar 8.1 hektar sedang diusahakan daripada 50 ekar atau 20.25 hektar tapak padang ragut.

Menurut Shafizi, tapak padang ragut itu milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang kini telah ditransfer dengan rumput minyak (*Brachiaria Humidicola*) dan rumput gajah (*Pennisetum purpureum*).

"Padang Ragut ini untuk semua penternak di DUN Batu Rakit. Kita harap, projek yang sedang diusahakan ini berjaya. Fasa pertama ini, kita tanam rumput.

"Rumput ini kita buka kepada siapa sahaja dari penternak di (DUN) Batu Rakit ini tetapi mesti berdaftar di bawah koperasi (Kopstar) kita. Fasa kedua nanti, barulah kita masukkan haiwan ternakan seperti lembu dan kambing," jelasnya.

Manakala, seorang penternak kampung, Shaife Ngah, 63, dari Kampung Lingai menyokong 100 peratus usaha Kopstar mewujudkan projek padang ragut tersebut.

"Alhamdulillah, saya sokong 100 peratus kerana dengan padang ragut ini boleh selesai masalah ternakan yang bebas dan mengganggu penggunaan jalan raya.

"Saya ada 15 ekar lembu dan telah terlibat dengan ternakan ini sejak hampir 20 tahun. Selepas ini, bolehlah saya dan ramai lagi penternak lain bawa lembu mereka ke sini (padang ragut)," ujarnya.



Pegawai Penyelaras DUN Batu Rakit, Ustaz Mohd Shafizi, menyelesaikan masalah haiwan ternakan berkeliratan.